

AMAR MA'RUF NAHI MUNGKAR APPROACH ACCORDING TO AL-JILANI IN KITAB AL-GHUNYAH AGAINST INTEGRITY PROBLEM

(PENDEKATAN AMAR MAKRUH NAHI MUNGKAR MENURUT AL-JILANI
DALAM KITAB AL-GHUNYAH TERHADAP MASALAH INTEGRITI)

Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri & Wan Hishamudin Wan Jusoh ¹

Abstract

Amar makruf nahi mungkar or enjoining good and preventing evil is a comprehensive command for every Muslim individual. This commandment is the main reference in spreading Islamic propaganda and also the foundation for the well-being of Muslims. Despite the fact that these commands are notorious for the Muslim community, there are still many misconducts committed by a few Muslims. Among the issues that are the focus of society is the problem of integrity. Muslims need to have the integrity value in carrying out a responsibility and trust to show the true image of Islam to the world. This paper aims to clarify the concept of the virtues of *al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq* or the abbreviation, *al-Ghunyah* by Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani and make that concept an approach to addressing integrity issues in Malaysia. The findings show that there are three methods of approach that can be implemented by Muslims in dealing with issues of integrity, the superior approach to the subordinates, the approach of the subordinates to the superior and the approach of fellow peers or colleagues.

Keywords: Amar Makruf Nahi Mungkar; al-Jilani; *al-Ghunyah*; Integrity

Abstrak

Amar makruf nahi mungkar atau menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan suatu perintah yang menyeluruh bagi setiap individu muslim. Perintah ini merupakan rujukan utama dalam melebarkan dakwah Islam dan juga asas kepada kesejahteraan umat Islam. Walaupun perintah amar makruf nahi mungkar ini terkenal dalam kalangan masyarakat Islam, masih terdapat pelbagai kemungkaran yang dilakukan oleh segelintir umat Islam. Antara masalah yang menjadi tumpuan masyarakat adalah masalah integriti. Umat Islam perlu mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan amanah bagi menunjukkan imej Islam yang sebenar kepada dunia. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan konsep amar makruf nahi mungkar yang terdapat dalam kitab *al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq* atau singkatannya *al-Ghunyah* karangan Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani serta menjadikan konsep tersebut sebagai suatu pendekatan bagi menangani masalah integriti di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah pendekatan amar makruf nahi mungkar yang dapat dilaksanakan oleh umat Islam dalam menangani isu integriti, iaitu pendekatan pihak atasan kepada pihak bawahan, pendekatan pihak bawahan kepada pihak atasan dan pendekatan sesama rakan sebaya atau rakan sejawat.

Kata Kunci: Amar Makruf Nahi Mungkar; al-Jilani; *al-Ghunyah*; Integriti

¹ Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, whishamudin@unisza.edu.my

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sempurna meliputi setiap aspek kehidupan, tidak boleh ditambah atau dikurangkan ajarannya. Umat Islam wajib mentaati dan mengikut ajaran Islam sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dan sunah. Firman Allah SWT tentang kesempurnaan agama Islam adalah dalam Surah al-Ma'idah, ayat 3:

...الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا... ٣

Maksudnya: *Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu (Surah al-Maidah 5: 3).*

Berdasarkan dalil ini, Islam merupakan agama yang sempurna dengan adanya syariat Allah SWT yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT yang terakhir. Segala perkara yang halal dan haram juga telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dan semuanya adalah benar. Umat Islam perlu reda dengan agamanya sendiri kerana Allah SWT telah meredai dan mencintai agama ini (Ibn Kathir, 1987).

Oleh itu, agama Islam dilihat sebagai agama yang dapat menyelesaikan segala masalah. Terdapat satu perintah dalam Islam yang dikenali sebagai amar makruf nahi mungkar. Perintah ini perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam agar dapat merealisasikan ajaran Islam yang sebenar dan menyelesaikan segala masalah yang timbul, termasuk juga masalah integriti yang semakin banyak berlaku pada masa kini.

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR DAN INTEGRITI

Suruhan amar makruf nahi mungkar merupakan suruhan yang diketahui umum dan ianya merupakan suruhan yang terkandung dalam al-Quran dan sunah serta dihuraikan oleh ulama. Antara firman Allah SWT yang sering dirujuk dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar adalah ayat 104 daripada Surah Ali 'Imran:

وَأَتَىٰكُمْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya: *Dan hendaklah ada antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya (Surah Ali 'Imran 3: 104).*

Ayat ini menjelaskan bahawa perlu ada segolongan daripada orang mukmin yang menyeru manusia kepada Islam dan syariat Islam, mengajak manusia mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW serta mencegah kekufuran terhadap Allah SWT dan penafian terhadap kerasulan Rasulullah SAW (al-Tabari, 2009).

Makruf dan mungkar yang dinyatakan dalam ayat ini turut membawa maksud perbuatan baik yang diterima oleh masyarakat dan perbuatan buruk yang tidak diterima oleh masyarakat. Masyarakat yang dimaksudkan di sini adalah masyarakat yang baik serta boleh menilai perbuatan baik dan buruk menggunakan akal kurniaan Allah SWT (Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984).

Manakala melalui dalil sunah pula, Rasulullah SAW pernah bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَأْمُرَنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ أَوْ لَيُوشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ تُمْ تَدْعُوهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ.

Maksudnya: *Demi diriku di bawah kekuasaan Allah SWT, hendaklah kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau ditakuti bahawa Allah SWT akan menurunkan azab dan bala. Kemudian apabila kamu berdoa kepada Allah SWT, maka Allah SWT tidak akan memakbulkan doa kamu lagi (Riwayat al-Tirmidhi, no. 2169)*

Perkataan makruf yang terdapat dalam hadis ini membawa maksud segala bentuk perbuatan yang mentaati Allah SWT, mendekati diri kepada-Nya, berbuat baik sesama manusia, melakukan perkara yang disunatkan oleh syarak dan melarang perbuatan yang buruk. Manakala mungkar pula berlawanan dengan segala perbuatan yang makruf (al-Mubarakfuri, 1934).

Berdasarkan dalil al-Quran dan sunah, para ulama turut memberikan definisi yang jelas mengenai amar makruf nahi mungkar. Al-Jurjani (1413) menyatakan bahawa amar makruf adalah suruhan terhadap melakukan sesuatu yang disepakati oleh al-Quran dan sunah atau isyarat kepada sesuatu yang diredai Allah SWT sama ada dari segi perbuatan mahupun percakapan manakala nahi mungkar pula adalah larangan terhadap sesuatu yang tidak baik dari sudut syariat Islam. Menurut al-Zuhayli (2002) pula, amar makruf nahi mungkar boleh difahami sebagai seruan untuk melakukan perkara yang baik menurut syarak dan meninggalkan perkara yang berlawanan dengan syarak.

Secara kesimpulannya, amar makruf nahi mungkar dapat didefinisikan sebagai suruhan dalam melakukan kebaikan menurut syariat Islam, akal dan masyarakat serta melarang perbuatan yang bertentangan dengannya. Suruhan ini relevan bagi semua perkara terutamanya dalam hal tanggungjawab yang ditanggung oleh setiap orang. Setiap insan mempunyai tanggungjawab yang tersendiri dan perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut berlandaskan sifat integriti.

Integriti merupakan perkara yang sering dititikberatkan oleh agama Islam. Islam mengajar penganutnya agar sentiasa melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang buruk walaupun tidak dilihat oleh orang lain kerana segala amalan yang dilakukan akan dihitung pada hari akhirat nanti. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah, ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ۝ ١٠٥

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah SWT dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah SWT) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan (Surah al-Tawbah 9: 105)*

Ibn Kathir (1987) dalam tafsirnya yang mengambil pendapat Mujahid menyatakan bahawa ayat ini merupakan suatu ancaman bagi orang yang tidak menurut perintah Allah SWT. Allah SWT juga berfirman bahawa perbuatan maksiat tersebut akan diperlihatkan kepada-Nya, Rasulullah SAW dan orang yang beriman.

Jelaslah di sini bahawa amalan yang baik itu penting dan amalan yang buruk itu perlu ditinggalkan agar tidak menyesal pada hari kebangkitan nanti. Namun begitu, terdapat segelitir umat Islam yang semakin alpa dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sehingga mengabaikan amanah yang diberikan dan melanggar nilai integriti. Negara yang mempunyai nilai integriti yang rendah berisiko untuk menjadi sebuah negara yang mundur kerana kemajuan dan kemunduran sesebuah negara itu bergantung pada kualiti integriti yang diamalkan oleh rakyatnya. Hilangnya sifat integriti ini boleh mengakibatkan berlakunya pelbagai kegiatan jenayah yang bermatlamatkan keduniaan semata-mata. Jenayah integriti yang sering berlaku adalah penindasan, rasuah, dan penyalahgunaan kuasa (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2018).

Keadaan ini menunjukkan bahawa umat Islam memerlukan pendekatan amar makruf nahi mungkar yang berkesan agar dapat melahirkan masyarakat Islam yang hidup berlandaskan syariat Islam. Pendekatan amar makruf nahi mungkar berdasarkan kitab *al-Ghunyah* dilihat sebagai pendekatan yang sesuai bagi masalah integriti. Hal ini adalah kerana pendekatan ini bersifat sederhana, tidak melampau dan juga tidak terlalu longgar sebagaimana sifat *wasatiyyah* yang diamalkan oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, aliran yang menjadi ikutan negara Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi. Sumber utama kajian ini adalah sebuah karya muktabar, iaitu kitab *al-Ghunyah*. Sumber lain pula adalah daripada laman web yang berautoriti seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), buku ilmiah, kajian ilmiah dan laporan akhbar. Setelah data dikumpulkan, pengkaji melakukan analisis kandungan dengan meneliti konsep amar makruf nahi mungkar dalam kitab *al-Ghunyah* serta mengaplikasikan konsep tersebut dalam menangani isu integriti di Malaysia.

KITAB AL-GHUNYAH

Al-Ghunyah atau nama penuhnya *al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq* merupakan kitab yang terdiri daripada dua jilid dan merangkumi lima aspek, iaitu *al-Fiqh*, *al-'Aqa'id wa al-Firaq al-Islamiyyah*, *Majalis Mawa'iz al-Qur'an wa al-Alfaz al-Nabawiyyah*, *Fi Fada'il al-A'mal* dan *al-Tasawwuf*. Karya keagamaan ini dikarang oleh seorang tokoh atau sarjana Islam yang terkenal, iaitu Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani (al-Jilani, 1996).

SHAYKH 'ABD AL-QADIR AL-JILANI

Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani atau nama sebenar beliau adalah 'Abd al-Qadir merupakan seorang tokoh sufi yang lahir pada tahun 470H (1077 - 8M) dan meninggal dunia pada 8 Rabi'ul Akhir 561H (1166M), iaitu ketika berusia 91 tahun. Gelaran al-Jilani yang diberikan kepada beliau adalah dinisbahkan kepada tempat kelahiran beliau iaitu al-Jil atau dikenali sebagai negara Iran kini. Beliau berasal daripada keturunan yang mulia. Ibu beliau, Fatima binti Abdullah al-Sawma'i merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW melalui cucu Baginda, iaitu Husain (Al-Jilani, 1993). Ayah beliau, Abu Salih Musa juga adalah keturunan Nabi Muhammad SAW melalui cucu Baginda, iaitu Hasan. Setelah berkahwin dengan empat orang isteri, beliau dikurniakan anak seramai 49 orang, iaitu 27 orang lelaki dan 22 orang perempuan (Abdullah Muhammad Zin, 2002).

Al-Jilani menerima pendidikan awal daripada ayah, ibu dan datuk beliau, iaitu Abdullah al-Sawma'i. Beliau dididik untuk menjadi orang yang soleh dan menjalani kehidupan sebagai seorang sufi. Setelah mempunyai didikan awal, beliau pergi ke sekolah ketika berusia 10 tahun dan tamat belajar pada umur 18 tahun. Setelah itu, beliau pergi ke Baghdad bagi mendalami lagi ilmu pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di tempat beliau. Baghdad merupakan sebuah pusat ilmu pengetahuan ketika itu serta ramai orang Islam daripada pelbagai negeri menuntut ilmu di Baghdad. Di Baghdad, beliau mempelajari al-Quran, hadis, kesusasteraan Arab, fiqh dan tasawuf serta cabang-cabang ilmu tersebut (Abdullah Muhammad Zin, 2002). Selain daripada mempelajari ilmu lahiriah, beliau juga mempelajari ilmu batiniah dengan melalui jalan kesufian serta merupakan pengasas bagi Tarekat al-Qadiriyyah (al-Kilani, 1994).

Al-Jilani telah mengarang beberapa buah kitab yang kebanyakannya membincangkan tentang kesufian, amalan-amalan kesufian dan rahsia-rahsia ketuhanan. Antara kitab yang dikarang oleh beliau adalah bertajuk *Futuh al-Ghayb*, *al-Fath al-Rabbani wa al-Fayd al-Rahmani* dan *Jala' al-Khatir*. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah kitab karangan beliau yang membincangkan perihal amar makruf nahi mungkar, iaitu kitab *al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq* ('Abd al-Baqi Muftah, 2009). Kitab ini mempunyai dua jilid dan bab amar makruf nahi mungkar terdapat dalam jilid satu. Perbincangan mengenai amar makruf nahi mungkar ini merangkumi takrif, dalil, hukum, cara pelaksanaan, syarat-syarat pelaksanaan dan adab amar makruf nahi mungkar (al-Jilani, 1996).

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR DALAM KITAB AL-GHUNYAH

Berdasarkan kitab *al-Ghunyah*, amar makruf nahi mungkar bermaksud menyuruh kepada perlakuan yang disepakati oleh al-Quran, sunah dan akal serta mencegah perbuatan yang bercanggah dengan al-Quran, sunah dan akal. Makruf dan mungkar terbahagi kepada dua. Pertama, makruf dan mungkar yang zahir dan diketahui oleh orang ramai sebagaimana yang diketahui oleh ulama. Sebagai contohnya, hukum wajib solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, menunaikan zakat dan haji serta hukum haram berzina, minum arak dan mencuri. Kedua, makruf dan mungkar yang diketahui oleh orang yang khusus, iaitu ulama sahaja. Misalnya pegangan akidah mengenai sifat Allah SWT secara terperinci.

Setiap individu muslim wajib melaksanakan perintah ini mengikut kekuasaan yang ada pada mereka agar tidak membawa kemungkaran yang lebih besar dan memudaratkan dirinya, hartanya dan keluarganya. Pelaksanaan amar makruf nahi mungkar boleh dilakukan melalui tiga cara, iaitu melaksanakannya dengan menggunakan tangan, lisan dan hati sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya: *Sesiapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu ubahlah dengan hatinya dan ianya adalah selemah-lemah iman (Riwayat Muslim)*

Tangan adalah simbolik bagi kekuasaan yang dimiliki oleh seseorang pemimpin manakala lisan adalah nasihat atau teguran ulama dan hati pula adalah bagi orang awam.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi sebelum melaksanakan perintah ini. Syaratnya adalah mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara yang makruf dan mungkar, laksanakan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, laksanakan dengan lemah lembut, laksanakan dengan sabar dan toleransi tanpa mengikut hawa nafsu serta laksanakan mestilah bersih daripada melakukan perkara yang mungkar. Selain itu, perkara yang

utama semasa melaksanakan amar makruf nahi mungkar adalah melaksanakannya atau menyampaikannya secara peribadi atau privasi kerana cara ini lebih mudah diterima oleh orang ramai.

MASALAH INTEGRITI DI MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengambil berat tentang aspek integriti dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Integriti bermaksud himpunan kualiti unggul dalam setiap individu yang berteraskan kejujuran dan moral yang tinggi (Sulaiman Mahbob, 2005). Sifat ini dilihat sebagai asas terpenting dalam menentukan keamanan dan keharmonian negara sehingga kerajaan Malaysia telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 23 April 2004 bagi melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), unit integriti di kementerian dan jabatan kerajaan, Bahagian Integriti dan Tadbir Urus Negara bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Duryana Mohamed, 2018).

Penubuhan agensi, unit dan suruhanjaya ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menangani masalah integriti dalam setiap lapisan masyarakat. Namun begitu, matlamat utama kerajaan masih belum tercapai apabila Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perceptions Index (CPI) 2017 menunjukkan kedudukan Malaysia yang semakin merosot berbanding tahun 2016. Menurut indeks yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) tersebut, kedudukan Malaysia turun daripada kedudukan ke-55 ke 62 berbanding 180 negara yang terpilih (Akhbar Satar, 2018).

Dalam bidang politik khususnya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Senator Datuk Paul Low Seng Kuan mendedahkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka 92 kertas siasatan kes rasuah yang melibatkan ahli-ahli politik semenjak tahun 2013 sehingga 2017. 92 kes ini melibatkan ahli politik daripada parti Barisan Nasional (BN) sebanyak 71 kertas siasatan dan selebihnya adalah Pakatan Harapan (PH), iaitu sebanyak 21 kertas siasatan (Helmi Mohd. Foad, 2018).

Selain itu, penjawat awam turut menjadi fokus utama bagi masalah integriti ini. Hal ini adalah kerana banyak kes serius seperti rasuah, pecah amanah dan penyelewengan yang membabitkan penjawat awam. Berdasarkan statistik tangkapan rasuah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tahun 2015 sehingga 2017, sebanyak 1,272 tangkapan telah dilakukan terhadap penjawat awam yang terlibat dengan kegiatan memberi atau menerima rasuah (www.sprm.gov.my).

Masalah integriti bukan sahaja melibatkan ahli politik dan penjawat awam sahaja, malah turut menjadi masalah utama dalam bidang akademik sama ada bagi tenaga pengajar mahupun pelajar. Isu integriti yang sering dikaitkan dalam bidang ini adalah isu plagiat. Plagiat bermaksud salinan karya atau tulisan orang lain yang digunakan kembali sebagai karya sendiri (prpm.dbp.gov.my) tanpa memberi pengiktirafan atau rujukan yang sepatutnya kepada pemilik karya asal (Khairunneezam Mohd Nor, 2017).

Kebiasaannya plagiat menjadi tumpuan utama di institusi pengajian tinggi. Sebagai contohnya, satu kajian mengenai plagiarisme telah dilakukan kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan mendapati bahawa 69.5% daripada responden melakukan plagiat pada tahap yang rendah, 28.7% pada tahap yang sederhana dan 1.8% pada tahap yang tinggi. Responden kajian adalah seramai 341 orang pelajar mewakili setiap fakulti di universiti tersebut (Arief Salleh Rosman et al., 2008).

Jelaslah di sini bahawa masalah integriti bukanlah masalah yang boleh dipandang enteng kerana masalah ini telah menjadi semakin serius serta melibatkan setiap lapisan masyarakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa perlunya ada suatu pendekatan yang khusus bagi membanteras masalah ini. Oleh itu, pendekatan amar makruf nahi mungkar yang terdapat dalam kitab *al-Ghunyah* karangan al-Jilani merupakan sebuah pendekatan yang dilihat bersesuaian bagi menangani isu ini.

DAPATAN DAN ANALISIS

Setelah meneliti konsep amar makruf nahi mungkar yang diketengahkan oleh al-Jilani, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa pendekatan amar makruf nahi mungkar yang dapat diaplikasikan oleh umat Islam dalam menangani isu integriti. Pendekatan tersebut adalah:

Pihak atasan kepada pihak bawahan

Pihak atasan di sini bermaksud pemimpin, majikan, ketua organisasi, ketua keluarga dan guru. Pihak bawahan pula adalah orang yang dipimpin, pekerja, ahli keluarga dan pelajar. Sebagai pihak atasan yang mempunyai kuasa dalam sesuatu organisasi, mereka boleh mencegah masalah integriti yang berlaku dalam kalangan pihak bawahan mereka melalui dua cara, iaitu secara terbuka dan juga secara peribadi. Pelaksanaan secara terbuka adalah dengan mengadakan program atau aktiviti yang dapat meningkatkan integriti dan memberi nasihat secara terbuka kepada orang bawahan. Manakala secara peribadi pula, pihak atasan boleh menasihati pelaku salah integriti dalam keadaan privasi serta sentiasa menyemak kualiti kerja atau sikap orang bawahan.

Sekiranya masalah tersebut masih berterusan, mereka boleh mengambil tindakan selanjutnya, iaitu dengan menjalankan hukuman terhadap pesalah tersebut atau melaporkannya kepada pihak yang lebih berautoriti seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). Hukuman yang diberikan mestilah bertujuan untuk mengajar pelaku salah tersebut dan juga memberi pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukannya. Oleh itu, hukuman tersebut mestilah dilakukan dengan pertimbangan yang betul tanpa mengikut hawa nafsu.

Pihak bawahan kepada pihak atasan

Sebagai pihak bawahan, mencegah masalah integriti yang berlaku dalam kalangan pihak atasan bukanlah suatu perkara yang mudah. Walau bagaimanapun, terdapat satu cara yang boleh dilakukan untuk melaksanakannya, iaitu laksanakannya secara peribadi. Sebagai contohnya, pihak bawahan boleh menasihati pihak atasan secara privasi dengan cara yang berhemah dan lemah lembut. Sekiranya masalah tersebut masih berterusan, pihak bawahan boleh melaporkannya kepada badan pencegahan yang berautoriti.

Sesama rakan sejawat atau rakan sebaya

Sekiranya rakan sejawat atau rakan sebaya merupakan pelaku masalah integriti, seseorang individu boleh mencegahnya secara peribadi dengan menasihati rakannya dengan baik dan berhemah. Sekiranya masalah tersebut masih berlaku, orang yang ingin mencegah masalah itu boleh melaporkannya kepada pihak atasan agar tindakan selanjutnya dapat diambil.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan amar makruf nahi mungkar dengan menggunakan tiga pendekatan ini pasti dapat menangani masalah integriti dengan lebih berkesan. Kaedah pendekatan ini penting bagi memudahkan orang ramai untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar dalam pelbagai situasi yang menjadi norma kehidupan seharian. Ketiga-tiga pendekatan yang diambil berdasarkan kitab *al-Ghunyah* ini dilihat sebagai cara yang bijaksana dan sederhana, iaitu tidak melampau dan juga tidak terlalu berlembut sebagaimana yang dianjurkan oleh ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

'Abd al-Baqi Muftah. (2009). *Al-Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani wa Intishar Tariqatahu*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abdullah Muhammad Zin. (2002). *Abd al-Qadir al-Jilani: His Method of Islamic Da'wah (Mission)*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.

Akhbar Satar. (2018). Kenyataan Media bertajuk 'Malaysia Suffers Drop on 2017 Corruption Perceptions Index (CPI)' dalam Transparency International Malaysia. transparency.org.my.

Anis Yusal Yusoff. (2007). 'Agenda Membudayakan Integriti Politik: Isu dan Cabaran' dalam Anis Yusal Yusoff, Mohd Rais Ramli & Zubayry Abady Sofian (ed.). *Integriti Politik di Malaysia: Ke Arah Kefahaman yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

Arief Salleh Rosman et al. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi* **48**: 1 - 14.

Chamil Wariya. (2010). *Malaysia: Asas Pembinaan Negara Bangsa, Institusi Pemerintahan, Lambang Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.

Duryana Mohamed. (2018). Khamis 1 Februari. 'Integriti Penentu Keamanan Manusia Sejangat'. [Berita Harian](#).

Helmi Mohd. Foad. (2018). Sabtu 17 Mac. 'Cabaran SPRM Banteras Rasuah'. [Kosmo](#).

Ibn Kathir, Isma'il ibn 'Umar ibn Kathir. (1987). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). Selasa 23 Januari. 'Integriti Nadi Urus Tadbir Berkualiti'. [Utusan Malaysia](#).

Al-Jilani, 'Abd al-Qadir al-Jilani. (1993). (*The Secret of Secrets*) (trj: Tosun Bayrak). Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Al-Jilani, 'Abd al-Qadir al-Jilani. (1996). *Al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq*. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.

Al-Jurjani, 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali. (1413). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Qaherah: Dar al-Fadilah.

Al-Kilani, 'Abd al-Razzaq. (1994). *Al-Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani: al-Imam al-Zahid al-Qudwah*. Bayrut: Dar al-Qalam.

Khairunneezam Mohd Nor. (2017). Khamis 10 Ogos. 'Banteras Gejala Plagiarisme'. [Utusan Malaysia](#).

Al-Mubarakfuri, Abi al-'Ali Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim. (1934). *Tuhfatu al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj dan al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. (1981). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. prpm.dbp.gov.my. Dilayari pada 12 Jun 2018.

- Sulaiman Mahbob. (2005). Pelan Integriti Nasional (PIN). Dalam *Etika dan Integriti di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Mazilan Musa, Izal Arif Zahrudin & Suzanna Che Moin (ed.). Institut Integriti Malaysia, Kuala Lumpur.
- al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir. (2009). *Tafsir al-Tabari al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa. (2011). *Sunan al-Tirmidhi*. Bayrut: al-Maktabah al- 'Asriyyah.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). www.sprm.gov.my. Dilayari pada 12 Jun 2018.
- al-Zuhayli, Wahbah (2002). *Akhlaq al-Muslim: 'Alaqatihi bi al-Khaliq*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.